Rentetan permasalahan ini, hasrat yang ingin dicapai dalam PPPM 2013-2025 khususnya penyertaan murid dalam bidang STEM tidak akan dapat dijayakan sebagaimana yang juga dihasratkan menerusi Dasar 60:40. Data statistik yang dikeluarkan oleh KPM menunjukkan kemerosotan bilangan pelajar yang mengikuti aliran STEM di sekolah menengah iaitu jumlah sebenar ialah seramai 46.72 peratus pada 2014 adalah dari aliran STEM. (*Education Performance and Delivery Unit, PADU*, 2017). Di antara punca kemerosotan ini disumbangkan oleh pelajar yang layak memasuki aliran sains, tetapi mengambil keputusan mengikuti aliran sastera (P. Kamalanathan, 2016).

Guru-guru yang masih melaksanakan PdPC berpusatkan guru mungkin disebabkan mereka belum bersedia sepenuhnya dalam mengintegrasikan pendidikan STEM menerusi silibus akademik sedia ada (Aini Azizah *et.al.*, 2016). Guru masih belum bersedia melakukan perubahan dalam PdPC yang berkaitan amalan STEM di mana kajian menunjukkan hampir 70% guru di kawasan Bandar masih belum bersedia dalam melaksanakan pendidikan STEM bersepadu kerana kurang mempunyai sumber rujukan PdPC yang berkesan (Aini Azizah *et.al.*, 2016).

Selain itu, masalah ketiadaan laporan dapatan pelaksanaan secara akademik terhadap penerbitan siri bahan sumber modul-modul terbitan BPK, KPM yang lepas seperti modul BSTEM Kimia yang telah diterbitkan pada tahun 2018. Persoalannya, adakah modul BSTEM Kimia yang dibekalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia berkesan dalam meningkatkan pencapaian dan minat pelajar bagi membolehkan pelajar memilih aliran STEM di peringkat menengah atas?



Justeru, kajian ini akan menguji sejauhmana aplikasi BSTEM Kimia ini dalam merangsang kemahiran abad ke-21, merangsang minat murid terhadap pendidikan STEM dan pemilihan kerjaya dalam bidang STEM serta kemampuan BSTEM meningkatkan pencapaian murid dalam matapelajaran yang berkaitan STEM khususnya bagi tajuk Asid dan Bes (Rujuk Lampiran V muka surat 320). Seterusnya, kajian ini telah menghubungkan ketiga-tiga pembolehubah ini untuk melihat sejauhmana perkaitannya mempengaruhi murid terhadap amalan pendidikan STEM.

1.4 Objektif Kajian

Objektif utama kajian adalah untuk mengkaji kesan pelaksanaan modul Bahan Sumber STEM (BSTEM) terbitan Bahagian Perkembangan Kurikulum KPM terhadap kemahiran abad ke-21, minat terhadap STEM dan pencapaian murid bagi tajuk asid dan bes dalam matapelajaran Kimia Tingkatan 4. Sampel kajian adalah murid sekolah menengah di Daerah Bera, Pahang Darul Makmur. Kajian ini dilaksanakan bagi mencapai maksud setiap objektif kajian yang dirancang seperti berikut:

- i. Mengenalpasti kesan penggunaan Bahan Sumber (BSTEM) Kimia terhadap pencapaian murid.
- ii. Mengenalpasti kesan penggunaan Bahan Sumber (BSTEM) Kimia terhadap Kemahiran Abad Ke-21 murid.
- iii. Mengenalpasti kesan penggunaan Bahan Sumber (BSTEM) Kimia terhadap minat murid terhadap STEM dalam tajuk asid dan bes.



- iv. Menentukan samaada terdapat hubungan di antara kemahiran abad ke-21 dengan minat murid terhadap STEM bagi kumpulan eksperimen.
- v. Menentukan samaada terdapat hubungan di antara minat murid terhadap STEM dengan pencapaian dalam tajuk asid dan bes bagi kumpulan eksperimen.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini mengupas setiap persoalan kajian yang dihasilkan berdasarkan pernyataan masalah dan objektif kajian yang telah dirangka sebagai asas utama kajian. Maka persoalan kajian yang dibina adalah seperti berikut:



i. Adakah terdapat perbezaan min skor pencapaian PraUjian di antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan?

ii. Adakah terdapat perbezaan min skor pencapaian Ujian Pos di antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan?

iii. Adakah terdapat perbezaan min skor pencapaian PraUjian dan Ujian Pos bagi murid kumpulan eksperimen?

iv. Adakah terdapat perbezaan min skor pencapaian PraUjian dan Ujian Pos bagi murid kumpulan kawalan?





- v. Adakah terdapat perbezaan skor kemahiran abad ke-21 sebelum dan selepas penggunaan BSTEM Kimia dalam kumpulan eksperimen?
- vi. Adakah terdapat perbezaan skor minat murid sebelum dan selepas penggunaan BSTEM dalam kumpulan eksperimen?
- vii. Adakah terdapat hubungan di antara kemahiran abad ke-21 dengan minat murid terhadap STEM bagi kumpulan eksperimen?
- viii. Adakah terdapat hubungan di antara minat murid terhadap STEM dengan pencapaian murid bagi kumpulan eksperimen?



1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis-hipotesis yang dihasilkan telah dibentuk berdasarkan persoalan kajian yang dibina melalui objektif kajian. Bagi menguji dan memastikan kesetaraan sampel berlaku antara murid kumpulan eksperimen dan murid kumpulan kawalan, maka hipotesis nol 1 dibentuk yang sepadan dengan persoalan kajian 1. Hipotesis nol yang berikutnya adalah sepadan dengan susunan persoalan kajian yang berikutnya. Berikut adalah hipotesis-hipotesis nol kajian yang telah dibina mengikut keutamaan:

Hipotesis nol 1 : Tidak terdapat perbezaan min skor pencapaian PraUjian di antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan.



Hipotesis nol 2 : Tidak terdapat perbezaan min skor pencapaian Ujian Pos di antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan.

Hipotesis nol 3 : Tidak terdapat perbezaan min skor pencapaian PraUjian dan Ujian Pos bagi murid kumpulan eksperimen.

Hipotesis nol 4 : Tidak terdapat perbezaan min skor pencapaian PraUjian dan Ujian Pos bagi murid kumpulan kawalan.

Hipotesis nol 5 : Tidak terdapat perbezaan skor kemahiran abad ke-21 sebelum dan selepas penggunaan BSTEM Kimia dalam kumpulan eksperimen.

Hipotesis nol 6 : Tidak terdapat perbezaan skor minat murid sebelum dan selepas penggunaan BSTEM dalam kumpulan eksperimen.

Hipotesis nol 7 : Tidak terdapat hubungan di antara kemahiran abad ke-21 dengan minat murid terhadap STEM bagi kumpulan eksperimen.

Hipotesis nol 8 : Tidak terdapat hubungan di antara minat murid terhadap STEM dengan pencapaian murid bagi kumpulan eksperimen.

1.7 Pembinaan Kerangka Konseptual Kajian

Dalam kajian ini, asas pembinaan kerangka konseptual adalah daripada Model Pencapaian Heck dan Marcoulides (1996), Model Pengajaran dan Pembelajaran STEM (2016) dan Model Kerangka Kemahiran Abad ke-21 *enGauge* (2012) yang mematuhi teori-teori yang berkaitan pembelajaran seperti Teori Konstruktivisme dan Teori Perkembangan Kognitif di mana kaedah penyampaian PdPC menggunakan strategi pengajaran berasaskan Teori Pembelajaran Berasaskan Inquiri Penemuan, (IBSE), Teori Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM), Teori Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) dan Teori Pembelajaran Secara Kontekstual. Kesemua teori dan model pembelajaran ini digunakan untuk menyediakan kerangka konseptual kajian yang akan digunakan dalam perancangan penyelidikan dan pembangunan pendidikan.

Model Pencapaian Heck dan Marcoulides (1996) pada Rajah 2.8 telah diadaptasi untuk menunjukkan bagaimana mengesan pelbagai faktor yang memberi kesan terhadap pencapaian akademik murid. Manakala Model PdP STEM yang terdapat pada Rajah 2.1 digunakan untuk menunjukkan bagaimana pendekatan STEM mempengaruhi perkembangan murid baik dari segi pengetahuan, kemahiran dan nilai seseorang murid. Model Kerangka Kemahiran Abad ke-21 *enGauge* (2003) dan Model *The Partnership 21st Century Skills*, P21 (2006) pada Rajah 2.4 pula telah digunakan untuk menunjukkan bagaimana kemahiran abad ke-21 dapat dikuasai oleh murid untuk membentuk modal insan yang berdaya saing dan produktif. Huraian lanjut mengenai kerangka teori dan modul dalam pembinaan kerangka konseptual kajian akan dijelaskan dengan mendalam dalam Bab Dua.



Manakala penggunaan BSTEM sebagai pembolehubah tidak bersandar dalam kajian ini dihasilkan berasaskan Teori Perkembangan Kognitif dan Teori Konstruktivisme (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016). Secara umumnya, teori-teori pembelajaran ini menekankan proses kognitif dan pembinaan kefahaman murid melalui aktiviti yang berpusatkan murid dengan mengintegrasikan dengan pengalaman sedia ada murid dalam menyelesaikan masalah. Proses ini sangat ditekankan dalam amalan pendidikan STEM semasa proses PdPC dijalankan. Bagi memenuhi keperluan ini, maka strategi pengajaran dan pembelajaran pendidikan STEM menggunakan pendekatan strategi Teori Pembelajaran Inkuiri Penemuan (IBSE) digunakan, di mana murid meneroka pengetahuan baharu melalui aktiviti yang berasaskan kontekstual, berasaskan projek dan berasaskan masalah di dalam kehidupan seharian sebenar seperti yang digariskan dalam Modul BSTEM Kimia. (Rujuk Lampiran C muka surat 228)



Maka kerangka konseptual kajian yang dibina seperti dalam Rajah 1.1 menunjukkan perhubungan di antara semua pembolehubah kajian yang dipilih di dalam kajian ini. Pemboleh ubah utama yang terlibat ialah faktor penggunaan modul Bahan Sumber STEM (BSTEM) Kimia, kemahiran abad ke-21, minat dan pencapaian murid. BSTEM Kimia diletakkan sebagai pemboleh ubah tidak bersandar, manakala kemahiran abad ke-21, minat terhadap STEM dan pencapaian murid bagi tajuk asid dan bes adalah pemboleh ubah bersandar. Penyelidik ingin melihat samaada terdapat peningkatan dalam skor keseluruhan pencapaian di antara murid kumpulan eksperimen dan murid kumpulan kawalan dari peringkat pra tadbir hingga pasca tadbir kajian.

Penyelidik ingin melihat sama ada pelaksanaan BSTEM Kimia dapat meningkatkan kemahiran abad ke-21 dengan menggunakan satu set soal selidik yang






terdiri daripada 62 item dengan empat kontrak utama. Soal selidik ini diperoleh daripada penyelidikan yang lepas yang telah dijalankan oleh Azizah Mat Ail, (2014). Skala yang digunakan adalah skala Likert dengan poin satu hingga lima yang mewakili tahap persetujuan responden di mana skala 1 mewakili Sangat Tidak Setuju (STS), skala 2 mewakili Tidak Setuju (TS), skala 3 mewakili Kurang Setuju (KS), skala 4 mewakili Setuju (S) dan skala 5 mewakili Sangat Setuju (ST).

Penyelidik juga ingin mengkaji kolerasi di antara pencapaian dalam tajuk asid dan bes setelah melaksanakan BSTEM Kimia dengan minat murid terhadap STEM. Murid diberikan soal selidik yang diperolehi daripada penyelidikan Program Bitara STEM UKM-FELDA-KPM 2014 (Edy Hafizan Mohd Shahali, Lilia Halim, Mohamad Sattar Rasul, Kamisah Osman, Mohd Afendi Zulkifeli, 2017) yang mengandungi dua kontrak iaitu minat terhadap STEM dan minat terhadap kerjaya STEM. Terdapat 32 item dengan 27 item menggunakan skala Likert, manakala 5 item menggunakan item berstruktur. Kesemua instrumen yang digunakan akan menjawab persoalan dalam persoalan kajian dan memenuhi objektif kajian secara keseluruhan. Berdasarkan objektif kajian yang ditetapkan maka kerangka konseptual kajian yang dibina adalah seperti berikut :-





Rajah 1.1. Kerangka konseptual.

1.8 Kepentingan Kajian

Hasil daripada kajian ini, dapat menunjukkan sejauh mana keberkesanan pelaksanaan dalam aplikasi Bahan Sumber STEM (BSTEM) Kimia dan hubungannya dengan kemahiran abad ke-21, minat murid terhadap STEM dan pencapaian dalam kimia khususnya tajuk asid dan bes. BSTEM Kimia merupakan antara modul dan buku panduan PdP STEM yang mula dibangunkan pada tahun 2016 oleh Kementerian

Pendidikan Malaysia melalui Bahagian Pembangunan Kurikulum pada. Dan penyelidik merupakan penulis utama bagi aktiviti yang berkaitan tajuk Asid dan Bes yang terdapat dalam Modul BSTEM Kimia ini. Maka, kepentingan kajian ini akan melibatkan semua peringkat dalam Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP), Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Bahagian Buku Teks (BBT), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah-sekolah, guru-guru dan semua murid yang mengambil aliran sains tulen di sekolah.

Dapatan penyelidikan ini turut dapat memberi informasi kepada universiti awam dan universiti di seluruh Negara agar sentiasa membantu membuat penyelidikan pendidikan di sekolah khususnya berkaitan pendidikan STEM. Termasuk juga agensi luar yang berkaitan dengan pendidikan seperti FELDA, EXXON-MOBIL dan Kelab TAHA, Tabung Haji yang kerap terlibat dengan pendidikan STEM melalui Program Bitara STEM Universiti Kebangsaan Malaysia (Mohamad Sattar Rasul, 2017). Penyelidik juga terlibat secara langsung dengan Program Bitara STEM-UKM mulai tahun 2014 sebagai salah seorang fasilitator program yang dijalankan di seluruh negara setiap tahun bersama agensi-agensi yang dinyatakan di atas. Penyelidik juga telah mewakili negara sebagai guru pengiring kepada sepuluh murid terpilih daripada sekolah menengah FELDA di seluruh negara mengikuti STEM *Global Alliance International* di New York, Amerika Syarikat pada tahun 2014 (Nor Azlina Shaari, 2014). (Rujuk Lampiran W – Penglibatan penyelidik dalam program tersebut)

Kajian ini juga diharap mendapat perhatian pihak berwajib dan berkepentingan khususnya agensi pengurusan FELDA melalui Jabatan Pendidikan Menengah dan



Rendah agar dapat mencari kaedah yang sesuai dan praktikal dalam memperkasakan tahap pencapaian akademik dan aplikasi dalam kehidupan pelajar FELDA agar murid-murid di sekolah FELDA dapat bersaing dengan sekolah lain sehingga ke persada antarabangsa. Hasrat ini juga agar segala perancangan kerajaan dalam PPPM 2013-2025 dan Agenda Negara Transformasi Nasional 2050 (TN50) dapat direalisasikan secara kolaborasi oleh seluruh pihak khususnya pihak pengurusan FELDA dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Aplikasi BSTEM dalam PdPC di sekolah ini dapat memberi gambaran awal kepada Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) tentang sejauh mana keberkesanan modul BSTEM ini terhadap perkembangan kognitif murid-murid. Hal ini kerana modul BSTEM ini belum dilaksanakan secara meluaskan di seluruh negara sehingga kajian ini dilaksanakan. Oleh itu diharapkan hasil dapatan kajian ini dapat mengenalpasti kelebihan dan sebarang kekurangan jika ada sekaligus membantu BPK merancang dan menambahbaik pelaksanaan BSTEM ini di masa akan datang. Bahagian Pendidikan Guru, (BPG) pula dapat merancang untuk membuat latihan penataran yang lebih berkesan kepada semua guru-guru di seluruh negara dengan kerjasama semua institusi pendidikan yang berkaitan. Hal ini juga dapat membantu Bahagian Buku Teks (BBT) KPM dalam merangka penggunaan buku teks terbaharu yang akan diterbitkan dan digunakan kelak pada tahun-tahun yang akan datang.

Dan apabila merujuk kepada aktiviti dalam BSTEM khususnya tajuk asid dan bes, maka secara tidak langsung dapat menguji tahap kefahaman dan tahap pengaplikasian murid dalam kehidupan seharian dengan pembelajaran di sekolah. Pendekatan pendidikan STEM yang digunakan adalah pembelajaran secara kontekstual



dan inkuiri penemuan. Gabungan teori pembelajaran dalam pendidikan STEM ini mampu menghasilkan PdP yang sangat relevan dan berkesan dengan kehendak semasa sektor pendidikan dalam melahirkan sumber modal insaniah yang berkeupayaan bersaing di peringkat antarabangsa (Sapora Sipon, 2017). Pendekatan ini sangat ditekankan oleh BPK dalam Huraian Sukatan Pelajaran Kimia semasa menghasilkan Dokumen Standart Kurikulum Pendidikan (DSKP) matapelajaran Kimia yang terbaharu di masa akan datang dalam Kurikulum Standart Sekolah Menengah (KSSM). (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016).

Kajian yang dijalankan ini juga diharap membantu guru kimia mengaplikasikan modul BSTEM Kimia yang mengintegrasikan PdPC konsep asid-bes melalui aktiviti STEM yang berkaitan masalah dalam kehidupan harian iaitu penghasilan prototaip alat penapis asap motorsikal enjin dua lejang. Guru juga dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid semasa melaksanakan aktiviti STEM dalam bilik darjah berbantuan aktiviti dalam modul BSTEM Kimia. Dengan ini, kaedah PdPC guru akan menjadi lebih menarik dan berstrategi dalam menjadikan topik asid-bes mudah untuk dipelajari dan dikuasai melalui pembelajaran secara kontekstual. Sebagai contoh aktiviti STEM penghasilan alat penapis asap motosikal yang menggunakan konsep peneutralan dapat membantu mengurangkan masalah pencemaran udara oleh asap motosikal yang bersifat asidik yang boleh menyebabkan pembentukan hujan asid.

Melalui kajian ini juga, diharapkan murid dapat mengesan miskonsepsi konsep asid-bes semasa melaksanakan aktiviti STEM yang mengaitkan dengan isu-isu masalah kehidupan seharian. Hal ini kerana pembelajaran secara pendekatan pendidikan STEM dalam bilik darjah telah lama dilaksanakan di peringkat antarabangsa khususnya dalam

meningkatkan kemahiran abad ke-21 dan kemahiran-kemahiran kognitif yang lain yang perlu ada dalam setiap murid (Kelley & Knowless, 2016). Dalam masa yang sama aktiviti STEM turut dapat merangsang minat murid terhadap bidang STEM dan kerjaya STEM serta sekaligus dapat meningkatkan pencapaian dalam mata pelajaran kimia khususnya bagi tajuk asid dan bes. Dan akhirnya diharapkan kajian ini juga turut memberi faedah kepada seluruh lapisan masyarakat, agama, bangsa dan negara dalam menjayakan PPPM (2013-2025) dan agenda negara TN50 seiring dalam cabaran Revolusi Industri 4.0 menjelang tahun 2050 (Sapora Sipon, 2017).

1.9 Batasan Kajian

Semasa menjalankan penyelidikan ini, beberapa perkara telah dikenalpasti sebagai batasan kajian yang perlu dipatuhi. Kajian ini berfokus kepada matapelajaran Kimia sahaja khususnya tajuk Asid dan Bes bagi murid tingkatan empat. Dan dalam kajian ini hanya memfokuskan aktiviti PdPC dalam BSTEM bagi projek pengaplikasian konsep peneutralan melalui penghasilan prototaip alat penapis asap motosikal enjin dua lejang. Sebenarnya konsep asid dan bes pernah disentuh dan dipelajari oleh murid semasa mereka berada di tingkatan dua lagi iaitu dalam matapelajaran sains bagi tajuk kedua iaitu Air dan Larutan dalam KBSM.

Melalui projek STEM ini, kemahiran asas kimia yang diberi tumpuan adalah kepada konsep kefahaman dan aplikasi tindak balas antara asid dan bes yang melibatkan sifat asid dan bes, peranan air dalam tindak balas asid dan bes dan juga peranan air dalam tindak balas peneutralan. Oleh sebab itu, pemboleh ubah bersandar



atau pemboleh ubah bergerak balas bagi kajian ini ialah pencapaian murid dalam tajuk asid dan bes. Manakala pemboleh ubah bersandar yang lain ialah minat terhadap bidang STEM dan kerjaya STEM dan juga kemahiran abad ke-21. Maka batasan kajian ini adalah tidak mengambil kira faktor-faktor lain yang berkemungkinan turut memberi kesan kepada responden seperti faktor bangsa, gender, lokasi sekolah, tahap sosioekonomi dan juga sikap kejujuran responden sepanjang kajian ini dijalankan. sebagainya. Kajian ini hanya menggunakan metodologi kuasi-eksperimen dan tidak menggunakan metodologi kajian eksperimen yang sebenar.

Kajian ini hanya melibatkan responden seramai 60 orang murid aliran sains tulen sahaja di sekolah menengah kawasan FELDA dalam daerah Bera, Pahang. Pemilihan sampel responden kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dibuat secara persampelan berkelompok. Maka dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan untuk semua murid sekolah menengah dalam negara. Pengukuran dapatan kajian menggunakan instrumen item-item terbuka bagi setiap pemboleh ubah kajian. Semua dapatan diukur dan ditafsir menggunakan kaedah penyelidikan secara kuantitatif bagi menjawab semua persoalan kajian dan memenuhi objektif kajian yang dibina.

1.10 Definisi Operasional

Definisi operasional bermaksud definisi yang merujuk kepada operasi atau sesuatu ungkapan yang digunakan dalam sesuatu kajian penyelidikan. Dalam bahagian ini terdapat perbincangan mengenai beberapa istilah yang digunakan sepanjang kajian ini dijalankan. Ini bertujuan agar kajian ini lebih mudah difahami secara operasi seperti





istilah PdP Pendidikan STEM, Siri Bahan Sumber STEM, kemahiran abad ke-21, minat terhadap STEM dan pencapaian murid.

1.10.1 PdP Pendidikan STEM dan PdP Konvensional

Menurut Sariah Abdul Jalil (2016) Pendidikan STEM merupakan pengintegrasian Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik sebagai kaedah pengajaran dan pembelajaran oleh guru kepada murid yang lebih menarik dan menyeronokkan dalam bilik darjah. Ini kerana pendidikan STEM merangkumi setiap perkara dalam kehidupan seharian dan juga sebagai persediaan murid menghadapi cabaran masa hadapan yang berbeza dari segi kemajuan sains dan teknologi yang sentiasa berkembang dari semasa ke semasa. PdP STEM mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai bagi menyelesaikan masalah dalam konteks kehidupan harian, alam sekitar serta masyarakat tempatan dan global. Proses ini harus dijalankan secara berterusan melalui amalan STEM sehingga menjadi budaya STEM dalam kalangan murid (BPK 2016).

Dalam kajian ini pendidikan STEM adalah merujuk kepada penggunaan modul BSTEM Kimia yang diintegrasikan bersama PdPC sedia ada guru secara konvensional bagi tajuk asid dan bes dan hanya berfokus kepada murid kumpulan eksperimen sahaja. (Rujuk Lampiran D muka surat 245 – Rancangan Mengajar menggunakan BSTEM Kimia). Manakala bagi murid kumpulan kawalan tidak didedahkan dengan penggunaan modul ini dan hanya mengikuti PdP sedia ada secara konvensional sahaja. Ini bermakna setiap murid kumpulan eksperimen dan murid kumpulan kawalan akan mengikuti PdPC sedia ada secara konvensional bagi tajuk yang sama oleh guru kimia masing-masing





dan yang membezakan antara mereka adalah hanya murid kumpulan eksperimen mengikuti PdPC yang mengintegrasikan pendidikan STEM melalui penggunaan modul BSTEM kimia semasa mempelajari tajuk asid dan bes. Kesan penggunaan modul BSTEM kimia terhadap semua pemboleh ubah bersandar kajian akan diukur menggunakan instrumen-instrumen yang sama pada peringkat pra tadbir dan pasca tadbir kajian bagi kedua-dua kumpulan kajian. Ini bertujuan bagi melihat samaada terdapat persamaan atau perbezaan keputusan dan pencapaian bagi kedua-dua kumpulan kajian.

1.10.2 Siri Bahan Sumber STEM (BSTEM) Kimia



Menurut Bahagian Pembangunan Kurikulum (2017), BSTEM merupakan singkatan akronim bagi Siri Bahan Sumber Exemplar STEM yang dikenali sebagai Siri Bahan Sumber Sains, Teknologi, Engineering dan Matematik (BSTEM). BSTEM dibangunkan pada tahun 2017 dimana ia merupakan sebuah modul atau buku lanjutan kepada penerbitan Panduan Pelaksanaan STEM dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang telah dibangunkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2016. (Rujuk Lampiran C –Modul BSTEM Kimia muka surat 228). BSTEM bertujuan memudahkan guru menyediakan rancangan mengajar dan panduan pelaksanaan PdP STEM dalam bilik darjah. Penggunaan BSTEM dalam bilik darjah mampu menjadikan PdP guru lebih menarik dan berkesan dalam meningkatkan minat murid terhadap STEM dan menguasai kemahiran abad ke-21 di samping melahirkan sumber modal insaniah yang berpengetahuan, berkemahiran





dan nilai kerohanian yang tinggi bagi membudayakan amalan STEM (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2017).

Dan bagi tujuan kajian ini BSTEM Kimia merujuk kepada modul yang dijadikan sebagai pembolehubah utama tidak bersandar untuk melihat kesannya ke atas kemahiran abad ke-21, minat dan pencapaian murid dalam matapelajaran kimia khususnya bagi tajuk asid dan bes sebagai pemboleh ubah bersandar. Pemilihan tajuk ini dikenalpasti sebagai topik sukar berdasarkan kajian analisis keperluan Norlida Mohd Yaacob, (2017). Terdapat dua contoh PdP STEM yang terkandung dalam modul ini iaitu contoh PdP 1 adalah 'Alat Penapis Asap Motorsikal' bagi bab Asid dan Bes. Dan contoh PdP 2 adalah '*Crime Scene Investigation*' bagi bab Garam. Penyelidik merupakan salah seorang penulis utama bagi contoh PdP 1 dalam modul BSTEM Kimia berkenaan. (Rujuk Lampiran G muka surat 267). Modul BSTEM Kimia ini memberi gambaran kepada guru sebagai panduan pelaksanaan aktiviti STEM dalam PdPC bagi sesi sebelum, semasa dan selepas. Bagi kajian ini, hanya contoh PdP 1 sahaja yang digunakan ke atas murid kumpulan eksperimen bagi mengkaji kesan pelaksanaan BSTEM ke atas kemahiran abad ke-21, minat dan pencapaian murid bagi topik asid dan bes.

1.10.3 Kemahiran Abad Ke-21

Kemahiran abad ke-21 merupakan kemahiran-kemahiran yang perlu ada pada murid abad ke-21 bagi membangunkan sumber manusia insaniah yang memiliki kemahiran berfikir secara kritis, tinggi kreativiti dan berinovatif untuk berdaya saing di peringkat





antarabangsa. Antara konstrak dalam kemahiran abad ke-21 ialah kemahiran pemikiran inventif, kemahiran komunikasi berkesan, kemahiran menghasilkan produktiviti tinggi dan nilai kerohanian yang mantap. Kemahiran-kemahiran ini boleh diterapkan melalui pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah khususnya melalui matapelajaran Sains (Azizah Mat Ail, 2014).

Dalam kajian ini kemahiran abad ke-21 adalah merujuk kepada gabungan domain kemahiran literasi digital yang terdiri daripada literasi visual, literasi maklumat, dan literasi multikultur serta kesedaran global. Bagi domain kedua pemikiran inventif pula terdiri daripada kebolehan dalam menyesuaikan diri dalam menguruskan sesuatu yang rumit, mempunyai hala tuju yang jelas, mempunyai sikap inkuiri, kreativiti, sanggup menanggung permasalahan dan mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi serta kebolehan dalam menaakul. Bagi domain kemahiran komunikasi berkesan pula terdiri daripada kebolehan murid berkerja secara berkumpulan dan berkerjasama, mempunyai kemahiran interpersonal, bertanggungjawab sosial dan sivik serta mengamalkan komunikasi secara interaktif dan berkesan. Manakala bagi domain produktiviti tinggi pula terdiri daripada kebolehan murid memberi keutamaan, melakukan perancangan dan menguruskan keberhasilan serta berupaya dalam mencipta produktiviti yang berkualiti dan relevan dengan situasi semasa. Dan terdapat satu lagi domain yang disesuaikan dengan kajian ini iaitu domain norma dan nilai kerohanian. Dengan menguasai kesemua domain ini, pencapaian akademik murid dapat diperningkatkan dan penguasaan kemahiran ini sangat diperlukan dalam era digital ini (Nurzarina Amran & Roslinda Rosli (2017). Kaedah pengukuran skor setiap domain kemahiran ini ditunjukkan seperti di dalam Jadual 3.3 pada bab tiga dan dibincangkan





secara jelas kaedah penskoran bagi menentukan tahap penguasaan dalam kalangan murid yang dijadikan responden kajian (Rujuk Lampiran H muka surat 269).

1.10.4 Minat

Definisi istilah perkataan minat merujuk kepada keinginan, kesukaan, kegemaran dan kecenderungan kepada sesuatu. Manakala merujuk kepada kajian Nik Mawar Hanifah Nik Hassan (2017) minat merupakan sebahagian daripada dimensi motivasi murid terhadap sesuatu perkara dan merupakan antara elemen terpenting dalam menghasilkan pembelajaran yang sempurna dan bermakna dalam sesuatu bidang yang dipelajari. Manakala dalam kajian ini minat merujuk dua konstruk iaitu minat murid kepada matapelajaran bidang STEM dan konstruk minat murid terhadap pemilihan kerjaya dalam bidang STEM pada masa akan datang. Pemboleh ubah ini diukur menggunakan soal selidik Minat Murid Terhadap STEM yang telah diambil daripada kajian terdahulu bagi Program Bitara STEM UKM pada tahun 2014, (Edy *et.al.*, 2017).

1.10.4 Pencapaian

Definisi istilah pencapaian boleh ditakrifkan sebagai apa yang telah dicapai atau dihasilkan atau diperolehi berdasarkan sesuatu usaha. Manakala menurut Mok Song Sang (2003) pencapaian murid adalah merujuk kepada skor penilaian sesuatu pentaksiran atau peperiksaan secara formatif atau secara sumatif terhadap tahap penguasaan sesuatu ilmu pengetahuan selepas selesai sesuatu proses pengajaran dan





pembelajaran oleh guru. Dalam kajian ini, pencapaian murid adalah merujuk kepada skor praujian dan ujian pos sebelum dan selepas pelaksanaan aktiviti intervensi BSTEM bagi murid kumpulan eksperimen dan dibandingkan dengan skor yang diperolehi daripada murid kumpulan kawalan yang hanya mengikuti PdCP konvensional. Keputusan ujian pencapaian pra tadbir dan pasca tadbir kajian dianalisis bagi melihat keberkesanan penggunaan BSTEM Kimia berbanding PdPC konvensional semata-mata. (Rujuk Lampiran A muka surat 178 dan Lampiran B muka surat 203 – Instrumen Kajian Pra tadbir dan Pasca Tadbir)

1.11 Rumusan



Secara keseluruhannya, bab satu telah membincangkan tentang aplikasi pendidikan STEM melalui penggunaan BSTEM bagi tujuan untuk mengenal pasti hubungannya dengan peningkatan kemahiran abad ke-21, dalam merangsang minat murid terhadap bidang STEM dan kerjaya STEM serta kesannya terhadap peningkatan pencapaian mata pelajaran kimia khususnya bagi tajuk asid dan bes. Kajian ini juga memberi gambaran secara menyeluruh tahap penguasaan murid dalam melaksanakan pendidikan STEM melalui projek berasaskan masalah sebenar dalam alam sekitar. Juga dapat mengetahui tahap kefahaman dan pengaplikasian murid terhadap konsep peneutralan dalam kehidupan sebenar murid setelah mempelajarinya di sekolah melalui amalan pendekatan STEM. Kajian ini juga mengkaji kolerasi di antara faktor minat murid dengan pencapaian dan juga minat murid terhadap kemahiran abad ke-21. Penerangan lanjut mengenai semua pemboleh ubah yang dikaji ini berserta kajian-kajian lepas akan dijelaskan lebih lanjut di dalam Bab Dua.

